

22/08/1998

Islam lindungi umat daripada Aids

Rosmin Darus

AJARAN Islam boleh digunakan untuk melindungi umatnya terutama wanita daripada jangkitan HIV dan Aids kerana agama itu memberi penekanan kepada pencegahan kemudaratan.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata Islam juga mengajar umatnya supaya tidak memudaratkan orang lain dan jika dilakukan secara sengaja ia adalah perbuatan berdosa besar.

Malah, katanya, jika persamaan hak lelaki dan wanita seperti dalam al-Quran diamalkan, nescaya wanita Islam lebih berpeluang untuk melindungi diri daripada HIV/Aids.

"Dalam konteks HIV/Aids, sekiranya seseorang itu dengan sengaja merebakkan virus berkenaan kepada orang lain beliau dikatakan melakukan dosa. Bagaimanapun, jika tidak menyedari status kesihatan dirinya tentu mustahil untuk menyalah orang itu.

"Jadi, kesalahan mungkin kepada mereka yang cuai untuk mendidik orang berkenaan," katanya dalam kertas kerja bertajuk HIV/Aids: Hak Wanita dan Isu Gender di bengkel mengenai Kesihatan Reproduksi Islam dan Hak Asasi Wanita di sebuah hotel, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bengkel itu dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Lebih 40 peserta termasuk dari Indonesia, Mesir, Pakistan, Singapura, Sudan, Thailand dan Amerika Syarikat menghadiri bengkel empat hari itu.

Bengkel itu bertujuan memperkukuhkan kefahaman mengenai wanita dari perspektif Islam dan meneruskan rangkaian dan sokongan serantau antara individu dan kumpulan Islam secara global.

Marina berkata, pendidikan mengenai HIV/Aids perlu berkualiti supaya dapat menjamin orang ramai dilindungi daripada jangkitan virus berkenaan.

"Islam menggalakkan umatnya mencari ilmu tanpa ada batas sempadan. Islam juga menggalak pendidikan mengenai seks dan kesihatan. Semua prinsip ini boleh digunakan sebagai panduan untuk melengkapkan orang ramai mengenai HIV/Aids," katanya.

Sejak 1983 di mana mangsa pertama HIV dikenal pasti, lebih daripada 30.6 juta manusia di seluruh dunia sudah dijangkiti virus berkenaan sehingga 1997. Dianggarkan setiap hari 16,000 orang dijangkiti dan membabitkan mereka dalam usia 15 hingga 49 tahun. Manakala, seorang daripada setiap 100 dewasa adalah pembawa HIV atau berpenyakit Aids.

Daripada jumlah itu, 12.1 juta atau 42 peratus mereka yang dijangkiti HIV/Aids adalah wanita dan 1.1 kanak-kanak turut mengalami masalah yang sama.

(END)